

Dividen ASB kekal kompetitif

Oleh **AFIQ MOHD. SHAH**
afiqsyahimishah@mediamall.com.my

KUALA LUMPUR: Di sebalik ketidaktentuan ekonomi ekoran penularan pandemik Covid-19, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) iaitu syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) masih berupaya mengagihkan dividen yang baik sebanyak 4.25 sen seunit bagi dana utamanya, Amanah Saham Bumiputera (ASB).

Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 itu melibatkan agihan pendapatan berjumlah 3.50 sen seunit dan bonus sebanyak 0.75 sen seunit.

Pada masa sama, semua pemegang unit ASB turut menerima tambahan bonus khas atau ihsan sempena ulang tahun ASB ke-30 pada kadar 0.75 sen seunit untuk 30,000 unit pertama.

Dividen tersebut bagaimanapun kadar terendah pernah dicatatkan sejak ASB mula diperkenalkan pada 1990.

Menurut Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz (**gambar**), pembayaran pengagihan pendapatan dan bonus itu melibatkan jumlah RM7.6 bilion kepada 10.2 juta pemegang unit sekali gus menjadikan jumlah terkumpul dana sebanyak RM159.6 bilion.

Zeti memberitahu, prestasi ASB kekal kompetitif berbanding instrumen pelaburan berisiko rendah yang lain, malah terus menjadi pilihan tepat bagi individu yang mempunyai profil



risiko rendah dan melabur untuk jangka panjang.

Beliau berkata, strategi kepelbagaian portfolio ASB juga mencatatkan kemajuan tahun ini menerusi peningkatan pendedahan kepada ekuiti antarabangsa, ekuiti persendirian, hartanah dan pendapatan tetap dengan pelaburan dalam aset antarabangsa naik kepada 5.9 peratus berbanding 3.6 peratus tahun lalu.

"Dalam suasana turun naik pasaran global, strategi ini telah mula membuahkan hasil yang positif dengan bahagian sumbangan pendapatan kasar daripada ekuiti awam antarabangsa melonjak kepada 24.2 peratus tahun ini berbanding 6.3 peratus pada 2019.

"Di sebalik pasaran kewangan tidak stabil, ASB terus memberi pengagihan kompetitif sebanyak 4.25 sen per unit malah sempena sambutan ulang tahun ke-30 ASB, pembayaran ihsan sebanyak 0.75 sen seunit akan diberikan ke atas 30,000 unit pertama yang dimiliki pelabur," katanya dalam majlis pengumuman dividen ASB secara maya semalam.

Pengiraan pengagihan penda-

patan dan bonus ASB adalah berdasarkan baki purata minimum bulanan yang dimiliki sepanjang tahun kewangan dengan unit yang dilaburkan semula akan dikreditkan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Januari 2021.

Urus niaga ASB telah ditangguhkan buat sementara waktu sehingga 3 Januari 2021 bagi memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan dengan pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka melalui www.myasnb.com.my atau aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana pejabat cawangan dan ejen ASNB di seluruh negara apabila urusan niaga beroperasi semula pada 4 Januari 2021.

Dalam pada itu, ASNB turut mengisytiharkan jumlah pembayaran pendapatan dana harga berubah pertamanya, Amanah Saham Nasional (ASN) bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2020 sebanyak 2.02 sen dengan memberikan hasil dividen 3.18 peratus berdasarkan jangkaan nilai aset bersih (NAB) pada 31 Disember 2020.

Jumlah pembayaran pengagihan pendapatan tersebut adalah sebanyak RM36.6 juta.

Pembayaran ASN akan memberi manfaat kepada 1.21 juta pemegang unit dengan jumlah pelaburan melebihi 1.8 bilion unit dengan setakat 30 November lalu, dana tersebut telah mencatatkan pendapatan bersih sebanyak RM44.3 juta untuk 11 bulan pertama tahun kewangannya.

alan Nasional Berh

PNB tingkat strategi, fokus pelaburan jangka panjang

KUALA LUMPUR: Permodalan Nasional Berhad (PNB) sentiasa memberi tumpuan kepada strategi pelaburan jangka panjang walaupun berdepan cabaran jangka pendek atau sederhana seperti krisis pandemik Covid-19 yang berlaku ketika ini.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata, agensi tersebut akan terus melaksanakan strategi kepelbagaian aset terutama pada kelas aset lain dan global.

Pada masa sama, Zeti berkata, PNB juga telah mengukuhkan keupayaan pengurusan ri-

siko sekali gus membolehkan prestasi pelaburannya masih memberangsangkan walaupun berdepan persekitaran mencabar.

Beliau berkata, menerusi perancangan pelaburan jangka panjang, PNB tidak akan terganggu dengan ketidaktentuan jangka pendek dan hanya berdasarkan penilaian asas bagi mengharungi cabaran jangka pendek serta sederhana dalam menjana pulangan mampan.

"Semua itu penting kerana kita perlu fokus pada jangka panjang dan menjana pulangan berterusan supaya tidak berlaku mempunyai prestasi baik untuk

satu tahun semata-mata tetapi tahun hadapannya prestasi menjunam.

"Proses kepelbagaian akan diteruskan bagi mengelakkan kepada penumpuan risiko yang berlebihan termasuk meneroka pelaburan ke dalam industri baharu dan memperkukuh kemampuan pengurusan risiko.

"Hasil strategi ini telah membuahkan hasil tahun ini apabila segala usaha telah memberikan pulangan signifikan," katanya dalam sidang akhbar pengumuman dividen Amanah Saham Bumiputera (ASB) secara maya semalam.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Orin berkata, strategi pelaburan PNB mula menghasilkan pulangan positif.

Katanya, PNB akan memberi kerjasama kepada syarikat pelaburan strategik dan terasnya dalam inisiatif meningkatkan prestasi operasi serta pertumbuhan pendapatan demi menjana pulangan keseluruhan yang lebih baik kepada pelabur.

"Ia terutama sekali apabila pulangan ekuiti awam antarabangsa menjana 24.2 peratus kepada pendapatan keseluruhan ASB, peningkatan men-

dadak berbanding hanya 6.3 peratus tahun lalu.

"Sangat positif jika dibandingkan peruntukan hanya 5.9 peratus daripada portfolio keseluruhan pelaburan kami," katanya.

Ahmad Zulqarnain berkata, PNB terus memberikan pulangan mampan kepada pemegang unit dengan mencatatkan jumlah pembayaran sebanyak RM11.2 bilion merentasi semua dana bagi 2020 termasuk agihan pendapatan ASB.

Ini sekali gus menjadikan jumlah terkumpul agihan pendapatan PNB sejak ditubuhkan adalah sebanyak RM211.4 bilion.